



Wakaf merupakan sistem sosioekonomi Islam yang teratur dan tersusun serta dapat meningkatkan pelbagai institusi. Pengalaman wakaf telah diterapkan sejak zaman Rasulullah dan berkembang hingga ke hari ini. Malah, di Malaysia juga terdapat pelbagai institut yang mentadbir dan menguruskan wakaf. Namun begitu, masih kurang kesedaran dan pemahaman serta pengamalan secara konsisten dilakukan masyarakat di Malaysia terutama umat Islam, tanpa menyedari wakaf dapat membantu dari pelbagai sudut seperti ekonomi, pendidikan malah pembangunan modal insan.

Inisiatif 10 mahasiswa bersama tiga pensyarah Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah membawa rekod baharu dalam universiti itu apabila perancangan untuk suatu kajian berkaitan wakaf dan sejarah Turki Uthmaniah direalisasikan selama 12 hari, baru-baru ini.

Menurut Pengarah Pusat Pengantarabangsaan dan Komunikasi Korporat, UniSZA, yang dahulunya Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni), FSSG UniSZA, Dr Mutia Sobihah Abd Halim, wakaf bukan sahaja bertujuan untuk umat Islam menginfakkan hartanya atas tujuan kepentingan umat dan menyelesaikan kemaslahatan umat semata, tetapi ia sekali gus mendidik jiwa manusia agar ringankan diri untuk memberi.

"Mendidik jiwa merupakan elemen penting di samping mempelajari dan mengetahui mengenai wakaf. Di sini, saya mahu mendidik penuntut saya bahawa memberi bukan kerana dipaksa," katanya.

Pemilihan Turki sebagai negara untuk melaksanakan kajian adalah atas dasar sejarah dan perkembangan wakaf yang bermula sejak zaman Uthmaniah lagi. Tidak disangkal dalam sejarah kerajaan Turki Uthmaniah merupakan zaman kebangkitan Islam yang masyhur dan permulaan bagi perkembangan institusi wakaf hinggalah diwarisi dari generasi ke generasi.

Manakala bekas Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa FSSG, Mohamad Qayyum Shamsudin berkata, program ini mendapat kerjasama padu daripada Ghazali Taib iaitu Pengerusi Jawatankuasa



UniSZA merentas Eurasia



Komunikasi, Multimedia dan Tugas-tugas Khas Negeri Terengganu dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Bahagian Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni), UniSZA. Selain itu, Kementerian Pendidikan Tinggi juga menyokong usaha yang dilakukan ini demi membantu memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai wakaf.

MAKANAN PERCUMA

Public Kitchen Wakaf for Syria adalah antara aktiviti dijalankan ketika berada di Turki. Aktiviti ini merupakan program tahunan FSSG bermula pada 2014. Aktiviti ini julung kalinya diadakan di Turki.


Menurut Dr Mutia Sobihah, kesinambungan matlamat aktiviti ini ialah berkongsi makanan percuma dengan bersedekah kepada sesiapa sahaja. Oleh itu, aktiviti ini juga diteruskan di Turki

dengan membawa harapan penderma di UniSZA dan juga seluruh Malaysia untuk diberikan kepada warga Syria yang menetap di Turki.

Selusuri wakaf dan sejarah Turki Uthmaniah selama 12 hari

Sebanyak tiga juta warga Syria telah bermigrasi ke Turki, namun hanya dua juta ditanggung pihak kerajaan dari segi penginapan dan makanan. Manakala selebihnya telah menetap di mana-mana sahaja di dalam Turki. Satu penyerahan wang derma diadakan di Asevi Mihrisah Valide Sultan, Eyup yang menjadi pusat penempatan dan pengagihan warga Syria di bawah kelolaan pihak kerajaan.

Terdapat juga





Peserta memperoleh banyak pengalaman dan ilmu sepanjang berada di Turki.



I
E
O
O



warga Syria yang tinggal di puncak gunung dan membina penempatan serta membuka perniagaan mereka sendiri. Mereka mampu untuk hidup walaupun berada di perantauan. Jelasnya, terdapat warga Turki yang dijumpainya ingin pulang ke tanah air jika diberi peluang. Pengalaman berharga ini ditemui siswa Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Antropologi dan Dakwah), Nuranida Zulhaimi. Nuranida juga melihat secara langsung bagaimana kanak-kanak Syria meminta wang dengan bernyanyi di tepi jalan.

"Amat sayu apabila melihat kanak-kanak meminta wang untuk makan di tepi jalan. Mereka tanpa rasa malu bernyanyi sambil menadah tangan dan bekas agar wujud insan yang memberikan wang kepada mereka," ujarnya.

Sementara itu, Muhammad Wan Faizal Che Juhari ketika mendekati warga Syria yang dijumpai berkata, kita seharusnya bersyukur dengan keadaan Malaysia yang masih aman dan tidak bergolak.

"Bayangkan bagaimana kehidupan keluarga yang terlibat dalam pergolakan perang, kehilangan nyawa ahli keluarga dan akhirnya menumpang di negara orang? Ia amat menyakitkan," katanya.

ujarriya.

Sementara itu, Muhammad Wan Faizal Che Juhari ketika mendekati warga Syria yang dijumpai berkata, kita seharusnya bersyukur dengan keadaan Malaysia yang masih aman dan tidak bergolak.

"Bayangkan bagaimana kehidupan keluarga yang terlibat dalam pergolakan perang, kehilangan nyawa ahli keluarga dan akhirnya menumpang di negara orang? Ia amat menyakitkan," katanya.

Pusat Pengajian Tinggi yang mempunyai kelab atau persatuan aktif dan menarik untuk diketengahkan, boleh e-mel kepada roshlawaty@sinarharian.com.my

